

Maqasid Syarak Dalam Pendidikan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَّبِعُ مِنَ الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ
وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. di mana sahaja kita berada, melakukan apa sahaja yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. dan menjauhi segala yang dilarangnya. Semoga Allah s.w.t. menggolongkan kita di kalangan mereka yang bertakwa.

Saudaraku,

Islam sangat menekankan tentang pendidikan dan pencarian ilmu. Ilmu merupakan cahaya bagi setiap orang untuk mengenali yang haq dan yang batil. Ilmu membolehkan seseorang insan untuk mengenali "Al-Khaliq", penciptanya. Ilmu juga yang akan meningkatkan kedudukannya dan melaluinya seorang insan memperoleh kemuliaan. Dan melalui

ilmu juga seseorang itu kembali merendahkan diri, kerana akur bahawa Allah s.w.t. adalah punca segala ilmu pengetahuan.

Allah s.w.t. merakamkan penyaksian para malaikat akan fakta ini, tatkala terbukti bahawa Nabi Adam a.s. memiliki ilmu pengetahuan kurniaan Allah s.w.t. melebihi mereka. FirmanNya dalam surah Al-Baqarah ayat 31-32:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ
أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا
سُبْحٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا ۗ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ
الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *“Dan Dia mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Allah berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu itu terdiri dari golongan yang benar. Malaikat itu menjawab: Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.*

Saudaraku,

Antara hadith yang boleh dijadikan contoh mengenai kepentingan ilmu ialah hadith yang diriwayatkan Al-Bazzar, Nabi bersabda yang bermaksud: *“Jadikanlah dirimu orang alim (berilmu) atau orang yang menuntut ilmu atau orang yang selalu mendengar pengajaran atau orang yang mencintai (tiga golongan yang tersebut) dan janganlah engkau menjadi dari golongan yang kelima, yang dengan sebabnya engkau akan binasa”*. [Hadith riwayat Al-Bazzar]

Pada hadith tersebut Rasulullah s.a.w. memuji empat golongan berkaitan dengan ilmu pengetahuan. Adapun golongan yang kelima adalah golongan yang membenci atau meremehkan golongan ulama' dan tidak berminat menuntut ilmu. Dengan ini, jelas bagi kita bahawa kemuliaan umat Islam ini adalah apabila kita mengetahui ilmu agama Islam.

Saudara yang dirahmati Allah sekalian,
Ketahuilah, bahawa ilmu membantu kita untuk menghayati segala amalan yang kita lakukan, samada ia merupakan amalan ibadah ataupun amalan seharian kita. Jika seorang Muslim tidak memiliki ilmu yang mencukupi berkaitan agamanya, maka dikhuatiri bahawa dirinya mudah terkesan dengan pelbagai maklumat yang perolehinya dari sumber yang diragui.

Melalui kefahaman ilmu agama kita bakal membina individu yang mampu membuat pertimbangan diri ketika berhadapan dengan pilihan hidup yang mencabar, juga dalam membuat pertimbangan agama yang benar serta tepat. Sebagai contoh, kita menyaksikan di zaman ini, bagaimana – disebabkan wadah internet – anak-anak kita lebih mudah terdedah dan terpengaruh dengan pelbagai pendapat agama yang berencam serta tidak selari dengan pegangan kebanyakan ulama. Fatwa-fatwa yang tidak bertanggungjawab tersebar luas di laluan internet. Apakah caranya untuk kita terus menjamin bahawa mereka yang berada di bawah pemeliharaan dan tanggungjawab kita kekal terpandu dengan panduan Illahi serta tidak terkesan dengan cabaran sedemikian? Ia tidak lain tidak bukan, ialah melalui kefahaman ilmu agama yang benar serta menyeluruh.

Oleh itu, kita sebagai ibu bapa harus sentiasa memastikan bahawa pendidikan agama yang diterima oleh diri dan keluarga kita adalah ajaran yang benar lagi tepat. Sentiasalah bersikap prihatin terhadap kegiatan-kegiatan yang menimbulkan keraguan. Serta berusaha untuk mendalami pembelajaran agama dari asatizah yang bertauliah di masjid-masjid atau pusat pendidikan agama.

Saudaraku,

Melalui ilmu juga kita mampu menyumbang ke arah kesejahteraan umum masyarakat Singapura. Melaluinya pembangunan kehidupan beragama mampu dipelihara dan dipertingkatkan, melaluinya kita membina ekonomi dan kesejahteraan, bahkan melalui ilmu sahajalah kita mampu mencorak langkah untuk membina peradaban.

Sesuai dengan laungan azan yang sentiasa kedengaran lima

kali sehari yang berbunyi: 

yang bermaksud: *“Marilah menuju kejayaan”*. Kita mengetahui bahawa ajaran dan panduan Islam sentiasa mendorong setiap mukmin untuk berusaha mencapai kejayaan, samada bagi kehidupan di dunia, juga bagi kesenangan kehidupan di akhirat kelak.

Ayuh kita meneruskan langkah untuk membangun masyarakat kita dengan sentiasa gigih membuat sumbangan. Jangan pula kita terlupa, pada hakikatnya setiap ilmu yang kita pelajari merupakan usaha kita untuk melebarkan lagi khidmat kita kepada umat dan sumbangan kita kepada pembangunan insan dan masyarakat.

Marilah bersama kita menanamkan semangat dan hasrat untuk mengembalikan kecemerlangan Islam. Kehidupan kita bukanlah sekadar penerima khidmat dan sumbangan, akan tetapi sepatutnya, kitalah yang menjadi pemain utama di dalam liga

dunia ini. Kita hidup sebagai individu yang memahami nilai masa dan matlamat kehidupan. Kita membina keluarga yang berwawasan. Kita menjadi penuntut ilmu yang gigih dan cemerlang, kemudian seterusnya menjadi penyumbang ke arah perkembangan tamadun insan.

Semoga dengan penghayatan kita akan tradisi ilmu serta keazaman kita untuk memberi penumpuan pada aspek pendidikan bagi anak-anak kita, Allah s.w.t. bakal menerima usaha yang ikhlas tersebut, serta bakal dipermudahkan segala urusan kita insyallah. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،
فَأَسْتَغْفِرُهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .